



FERRI Anugerah (kiri) menghadihkan anak pokok durian baka ASFASO kepada Tuanku Syed Sirajuddin sempena sambutan Ulang Tahun Keputeraan baginda yang ke-74 pada Mei lalu.

HARIAN METRO
27/11/2017 M/S 1036



TUN Daim (kanan) bersama Ferri Anugerah.



Kuala Lumpur

“**S**aya bangun pagi saja, tengok pokok durian dulu.

Melihat ‘tiga kesayangan’ saya ini tumbuh sihat memberikan satu keseronokan kepada saya,” kata Datuk Yazid Othman, antara kira-kira 20 golongan kenamaan (VIP) dan ternama (VVIP) yang memiliki anak pokok durian diraja ASFA50 di negara ini.

Dua bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi selain bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin adalah golongan

VVIP antara pemilik durian istimewa ini, selain keluarga diraja Perlis.

Selain Yazid, golongan VIP yang turut memiliki baka durian jenis itu termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Shabery Cheek dan Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin.

Baka durian jenis itu menjadi buruan ramai di pasaran terhad berikutan dihasilkan menerusi kacukan empat baka durian terbaik iaitu tembaga, musang king, duri hitam dan udang merah selepas penyelidikan dan pembangunan (RND) selama tujuh tahun diketuai seorang bekas rakyat Malaysia yang kini menetap di Thailand.

Setakat ini, buah ASFA50 belum berada di pasaran tetapi apabila berbuah dalam tempoh tiga tahun kelak, ia dijangka lebih mahal daripada musang king yang dijual antara RM35 hingga RM90 sekilogram mengikut gred. Bercerita

BUAH EMAS VVIP

■ **Durian ASFA50 dijangka lebih mahal daripada musang king**

“

Jika mahukan hasilnya bagus, kita kena ‘membelai’ dan tatang macam minyak penuh. Jika ada seekor semut di daun sekalipun saya buang”

Yazid

lanjut kepada Harian Metro, Yazid yang juga Naib Presiden Majlis Datuk Persekutuan Malaysia berkata, sejak lima bulan lalu hobinya beralih kepada tiga anak pokok durian berkenaan yang dibeli daripada seorang rakan lamanya selepas maklumat penjualan baka baru itu tular di Facebook.

“Selain mengisi masa lapang dengan menjalani salah satu gaya hidup sihat, tidak rugi berbudi kepada tanah kerana hasilnya boleh dimakan seisi keluarga.

“Tujuan saya menanam pokok ini untuk makan saja memandangkan kami sekeluarga peminat tegar durian dan kebetulan ramai rakan suka durian, jadi kalau ada tanam sendiri saya rasa lebih bagus.

“Jika mahukan hasilnya bagus, kita kena ‘membelai’ dan tatang macam minyak yang penuh, jadi itulah yang saya lakukan untuk tiga kesayangan saya ini bahkan jika ada seekor semut di



INFO ASFA50

Diwartakan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid di Kangar sempena ulang tahun perkahwinan ke-50 dan hari keputeraan baginda yang ke-74 pada 17 Mei lalu.

- Nama ASFA50 diambil daripada singkatan 'Annivesary Sirajuddin Fauziah of the 50th'.
- Mudah ditanam dalam pasu besar dan ditempatkan di kawasan rumah terhad berikutan mempunyai akar tunjang yang tidak merosakkan struktur binaan.
- Ketinggian paling maksimum ialah 5 meter.
- Berbuah dalam tempoh tiga tahun berbanding durian lain lapan hingga sembilan tahun.
- Mengeluarkan hasil dua kali setahun.
- Mengandungi 80 peratus kandungan gas lebih rendah dan kurang bau, namun isinya lebih manis, tebal dan lemak.

• HARJON METRO 27/11/2017

daun sekalipun saya buang," katanya yang menanam anak pokok durian itu di halaman rumahnya di Taman Sri Gombak, di sini.

Menurutnya, minatnya itu turut disokong isteri, Datin Norbaya Musa serta empat anak mereka yang turut memberikan perhatian dan penjagaan kepada pokok berkenaan.

"Demi tiga anak pokok itu, saya dan isteri sanggup mengalihkan pokok bunga kertas yang kami tanam sejak sembilan tahun lalu ke dalam pasu besar untuk memutahkan kami memantau tumbesaran ASFA50

"Isteri dan anak-anak tahu pokok durian ini sudah menjadi kesayangan saya

sekarang, jadi mereka turut sama memberikan perhatian kepada pokok ini. Bagi memastikannya dalam keadaan baik, kami akan menyiram pagi dan petang dan dua hari sekali membajanya," katanya memberitahu harga satu anak pokok itu kira-kira RM150.

Katanya, hasil penemuan baka terbaru itu membolehkan peminat durian bukan saja berpeluang menikmati hasilnya dalam tempoh singkat, namun dijadikan koleksi pokok hiasan di laman rumah berikutan ciri unik terdapat pada baka baru itu yang renek dan berakar tunjang.

"Di sekeliling rumah ini,



Tanam 75 benih di kawasan rumah

Kuala Lumpur: "Setakat ini saya ada 75 benih pokok durian baka ini yang ditanam di sekitar belakang dan halaman rumah. Insyallah, saya berminat untuk menanam lagi pada masa akan datang untuk tujuan perniagaan," kata bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Beliau mengakui tertarik dengan kelebihan durian itu hingga menarik minatnya menanam benih baka baru itu di kawasan rumahnya di Jalan Damansara di sini, selepas diperkenalkan sahabatnya, Ferri Anugerah Makmur yang dikenali hampir 30 tahun.

"Saya memang suka makan durian, kebanyakan orang Melayu juga memang sukakan durian. Dulu harganya murah, tetapi apabila mula diekspor, ia mahal," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Beliau yang berpengalaman luas dalam penanaman durian di kebun miliknya di Hulu Langat berkata, proses tumbesaran durian sangat rumit dan perlu dititikberatkan bagi menghasilkan buah berkualiti.

"Kebiasaannya penanaman durian memerlukan tanah sesuai, tak boleh dekat dengan rumah kerana tumbesaran akarnya boleh merosakkan bangunan sekitar.

"Namun, dengan teknologi baka baru ini, ia boleh ditanam dalam pasu saja. Apapun penjagaannya sama dengan durian jenis lain iaitu perlu mendapat air, cahaya matahari dan baja mencukupi serta penjagaan penyakit.

"Saya dibantu lima pekerja



“ Dengan teknologi baka baru ini, ia boleh ditanam dalam pasu saja. Apapun penjagaannya sama dengan durian jenis lain iaitu perlu mendapat air, cahaya matahari dan baja mencukupi serta penjagaan penyakit”

Tun Daim

bertauliah untuk memastikan tumbesaran pokok durian ASFA50 saya dalam keadaan baik," katanya.

Menurut tokoh berpengalaman itu, beliau mahu menjadi contoh dan galakan kepada Bumiputera lain supaya menanam durian ASFA50 kerana potensinya mampu menyaingi kehebatan musangking dan membawa pulangan lumayan.

"Sebenarnya bukan setakat suka makan durian saja saya juga mahu buktikan orang Bumiputera boleh tanam durian secara komersial. Mungkin apabila seorang berjaya orang lain akan mencontohinya," katanya.



POKOK yang sudah matang selepas tiga tahun.



YAZID memberi sepenuh perhatian dalam penjagaan pokok baka ASFA50.

kami ada tanam pokok lain seperti pisang, rambutan, belimbing, nangka, petai, jering dan pelbagai tanaman herba untuk kegunaan sendiri. Sebelum ini, pernah cuba menanam durian musangking dan kunyit, tetapi tidak bertahan lama.

"Justeru, dengan munculnya baka baru ini yang dikatakan mempunyai lebih ketahanan dan renek,

ia satu berita baik buat peminat durian kerana bukan saja boleh ditanam di tepi laman rumah, malah berpeluang merasa buahnya dalam tempoh tiga tahun.

"Insyallah, saya cadang menanam lagi 30 pokok di belakang rumah selepas ini," katanya yang mengakui keenakan durian ASFA50 selepas diberi peluang menjamahnya sebelum ini.

Hanya 610 anak pokok diberi untuk pemasaran

Kangar: Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Perlis diberi tanggungjawab oleh pihak Istana Arau untuk memasarkan durian daripada baka ASFA50 yang sudah diisytihar buah diraja kedua selepas mempelam harumanis.

Pengurus Besarnya, Abd Razak Mat Yusuff berkata, pihaknya diberi kepercayaan oleh Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail untuk memasarkannya ke seluruh negeri.

“Secara amnya, pihak kami hanya menguruskan pemasaran tanaman ini saja manakala kajian atau pem-

angunan (R&D) dilakukan pihak lain.

“Melihatkan potensi yang ada pada durian baka ini di negeri ini, satu pelancaran durian baka ASFA50 diadakan sempena sambutan ulang tahun baginda (Mei lalu),” katanya.

Beliau berkata, jika kebiasaannya durian tempatan daripada baka biasa hanya berbuah sekali setahun tetapi durian baka ASFA50 ini pula berbuah dua kali setahun.

“Malah, difahamkan juga baunya juga tidak sekuat durian tempatan dan lebih enak.

“Bagi tujuan pemasaran, pengenalan terhadap durian daripada baka ini sering kita laksanakan ketika berlangsungnya majlis Hari Peladang, Penternak dan Nelayan negeri di mana masyarakat terutama petani begitu bersemangat untuk mengambil tahu serta mencuba menanam durian baka ASFA50 ini,” katanya.

Menurutnya, sebagai permulaan sebanyak 610 anak pokok durian baka ASFA50 diberikan kepada pihaknya untuk tujuan pemasaran.

“Daripada jumlah itu, lebih 50 peratus sudahpun terjual

sejak diperkenalkan sekitar Mei lalu dan ada petani membeli antara 10 hingga 20 anak pokok yang membawa maksud berkemungkinan mereka ingin melakukan penanaman ini secara komersial manakala ada yang sekadar mahu mencuba membeli antara satu hingga dua anak pokok saja.

“Setiap satu anak pokok berkenaan dijual dengan harga RM150 di mana untuk sementara waktu ini, anak pokok ini diletakkan di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bintong di Kangar,” katanya.